

16/09/1998

Tiada arahan bertindak

KUALA LUMPUR, Selasa - Umno belum membuat sebarang keputusan untuk mengambil tindakan disiplin terhadap ahlinya yang menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Agungnya, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata setakat ini beliau belum menerima arahan berkaitan perkara itu daripada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tahu ada ahli Umno memberi sokongan atau bersimpati kepada Datuk Seri Anwar, tapi belum ada cadangan untuk menghadapkan mereka kepada Jawatan Pengurusan dan Disiplin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Seni Tekstil Malaysia, di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan anggota Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara, Nizar Idris.

Beberapa pemimpin Umno, termasuk Ketua Pemuda Pulau Pinang, Dr Rahim Ghouse dan Ketua Pemuda Negeri Sembilan, Ruslan Kassim dilaporkan hadir dan menyertai ceramah anjuran Anwar.

Sabbaruddin berkata, setakat ini Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno tidak akan bermesyuarat untuk membincangkan kes ahli Umno yang menyokong gerakan reformasi, termasuk yang dilihat berada dan memberi ucapan di rumah Anwar atau tempat lain.

Jawatankuasa itu sebelum ini dipengerusikan bekas Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim. Anwar dipecat daripada parti pada 3 September lalu, sehari selepas beliau dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Mengulas laporan pita rakaman mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) 3 September lalu yang didakwa diedarkan kepada orang ramai, Sabbaruddin berkata Umno tidak bercadang mempertingkatkan keselamatan ibu pejabat terutama di bilik mesyuarat ekoran perkara itu.

"Belum pernah terjadi ahli MT diperiksa sebelum menghadiri mesyuarat. Jadi, kita tak mungkin lakukan perkara itu," katanya.

(END)